



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2.0 PERATURAN AM

- 2.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa pada ketika ini (pindaan undang-undang permainan semasa kongres ISTAF pada 17 Januari 2011 di Bangkok).
- 2.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang terkini akandipatuhi.
- 2.3 Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan sepertiberikut:
- 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
 - 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan undang-undang Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan yang dipraktikkan oleh Persatuan SepaktakrawMalaysia.
- 2.4 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandinganadalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohananini.
- 2.5 Mematuhi Peraturan Tetap dan **PERATURAN AM KARNIVAL SUKAN DVS**.
- 2.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak Raga Ratus (Bulatan) adalah **MUKTAMAD**.

3.0 PENDAFTARAN

- 3.1 Setiap kontinjen dibenarkanuntuk mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja yang terdiri daripada:

Bil	PERKARA	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1
2.	Jurulatih	1
3.	Pemain	6
JUMLAH		8

- 3.2 Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3 Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.4 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

4.0 SISTEM PERMAINAN

4.1 Jika tidak disebut di dalam syarat-syarat pertandingan ini, maka syarat-syarat Undang-Undang Persekutuan Sepak Takraw Dunia (ISTAF) dan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) hendaklah digunakan.

4.2 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa seperti berikut:

4.2.1 Kategori Permainan

4.2.1.1 Setiap pasukan akan bermain dalam tiga (3) pusingan. Hanya tiga (3) kali lambungan sahaja dibenarkan bagi setiap pusingan.

4.2.2 Pakaian

4.2.2.1 Semua pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam warna dan corak serta berkasut getah;

4.2.2.2 Semua pemain dalam setiap pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam dan bernombor (saiz 20 cm tinggi) mengikut Undang-Undang Permainan ISTAF;

4.2.2.3 Kesemua pemain adalah dikehendaki memakai jersi (seluar dan baju) yang seragam, sama warna dan coraknya;

4.2.2.4 Pemakaian seluar 3 ½ dibenarkan dengan syarat kesemua pemain dalam pasukan tersebut hendaklah memakai seragam dari segi warna dan corak;

4.2.2.5 Semua pemain perlu menutup aurat semasa permainan dijalankan

4.2.2.6 Ketua regu hendaklah memakai lilitan '*Arm Band*' di lengan kiri; dan

4.2.2.7 Pemain hendaklah kekal menggunakan nombor jersi yang sama sepertimana yang telah didaftarkan sepanjang kejohanan berlangsung.

4.2.3 Format, Gelanggang dan Peralatan Pertandingan

4.2.3.1 Pertandingan akan dilangsungkan di dalam sebuah gelanggang yang dibina di mana-mana kawasan lapang dan rata berbentuk bulatan bergaris pusat 6 meter (dinamakan bulatan 6m). Di dalam bulatan 6m ini akan dibina satu (1) bulatan kecil bergaris pusat 2m dibina DI DALAM garis pusatnya

4.2.3.2 Peralatan asas untuk mengendalikan kejohanan ini akan disediakan oleh Jawankuasa Pengelola berdasarkan kepada keperluan teknikal

4.2.3.3 Bola rasmi kejohanan ini adalah bola sintetik jenis GAJAH MAS 511

4.2.4 Waktu Bermula Sesuatu Pertandingan

4.2.4.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

Raga Ratus (Bulatan).

4.2.4.2 Semua pasukan wajib mematuhi jadual perlawanan dan tiada masa menunggu; dan

4.2.4.3 Sebelum permainan dimulakan, pasukan-pasukan yang mengambil bahagian akan membuat cabutan undi untuk menentukan giliran pasukan masing-masing.

4.2.5 Kedudukan Pemain & Cara Bermain

4.2.5.1 Permainan akan dimainkan oleh **Lima (5) Orang** pemain dan **Satu (1) Orang** pemain simpanan bagi setiap pusingan;

4.2.5.2 Sebelum membuat lambungan untuk memulakan permainan bagi setiap pusingan, semua pemain hendaklah berdiri di dalam kawasan bulatan 6m mengarah pusat bulatan 2m. Susunan pemain yang bernombor satu (1) hingga lima (5) hendaklah mengikut arah pusingan jam;

4.2.5.3 Kedudukan yang sama hendaklah dikekalkan semasa permainan sedang dijalankan ;

4.2.5.4 Semua anggota badan kecuali tangan atau lengan boleh digunakan semasa pemain menerima atau menghantar bola;

4.2.5.5 Permainan dimulakan dengan lambungan bola tinggi melebihi paras kepala oleh pemain No. 1 kepada pemain No. 3, No. 4 atau No. 5 dengan melalui dan melintasi kawasan bulatan 2m. Pemain yang menerima bola tersebut hendaklah menghantar bola kepada pemain lain kecuali pemain No.1;

4.2.5.6 Setiap pemain hanya dibenarkan mengawal bola tidak melebihi daripada daripada tiga (3) sentuhan berturut-berturut melepasi kepala dan pada sentuhan ketiga, bola tersebut hendaklah dihantar kepada pemain yang lain;

4.2.5.7 Pindahan atau hantaran bola daripada seorang pemain kepada pemain yang lain hendaklah melalui dan melintasi bulatan 2m; dan;

4.2.5.8 Permainan diberhentikan apabila berlaku perkara-perkara yang membatalkan timbangan atau tempoh masa bagi satu-satu pusingan telah tamat.

4.2.6 Perkara-Perkara Yang Membatalkan Timbangan

4.2.6.1 Pemain tidak menyepak bola yang dilambung oleh pemain No.1 sewaktu memulakan permainan

4.2.6.2 Pindahan atau hantaran bola tidak melalui dan melintasi kawasan bulatan 2m

4.2.6.3 Pemain menyepak atau menyentuh bola lebih dari tiga (3) kali secara berturut-turut;

4.2.6.4 Mana-mana anggota badan menyentuh lantai di luar kawasan bulatan 6m atau di dalam kawasan bulatan 2m;

4.2.6.5 Bola jatuh ke lantai;



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

- 4.2.6.6 Pemain mengepit atau mematikan bola;
- 4.2.6.7 Bola melurut pada mana-mana anggota badan pemain;
- 4.2.6.8 Salah seorang pemain tidak menyentuh bola pada setiap dua puluh (20) mata.

4.2.7 Bilangan Pemain Tidak Mencukupi

- 4.2.7.1 Sekiranya mana-mana pasukan kekurangan pemain apabila memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan, maka pasukan tersebut tidak layak untuk bertanding dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sepak Raga Ratus (Bulatan) akan membuat keputusan yang mana ia adalah **MUKTAMAD**.

4.2.8 Pemberian Mata atau Penentu Pasukan

- 4.2.8.1 Setiap satu timbangan akan dikira satu (1) mata
- 4.2.8.2 Kesemua timbangan dalam ketiga-tiga pusingan akan dijumlahkan untuk mendapatkan satu mata terkumpul
- 4.2.8.3 Mana-mana pasukan yang memperolehi mata terkumpul paling tinggi hasil dari ketiga-tiga pusingan akan dikira menang; dan
- 4.2.8.4 Jika mata terkumpul pasukan-pasukan adalah sama bagi satu (1) atau lebih pasukan, kedudukan pemenang akan ditentukan dengan jumlah masa permainan pasukan yang terikat. Jumlah masa permainan yang lebih lama akan dikira sebagai pemenang

4.2.9 Tempoh Masa Permainan

- 4.2.9.1 Masa permainan untuk setiap pusingan adalah sepuluh (10)minit.
- 4.2.9.2 Perlawanan bagi setiap pusingan akan ditamatkan setelah berakhir tempoh **SEPULUH (10) MINIT** atau **TIGA (3) KALI LAMBUNGAN BOLA** atau mana-mana yang terdahulu.
- 4.2.9.3 Untuk menentukan masa bagi satu-satu pusingan, wisel akan dibunyikan.
- 4.2.9.4 Bunyi wisel pertama menandakan permainan bermula.
- 4.2.9.5 Bunyi wisel kedua menandakan permainan tamat.

4.2.10 Pertukaran Pemain

- 4.2.10.1 Pemain yang diturunkan adalah berdasarkan senarai nama yang didaftarkan sebelum perlawanan bermula.
- 4.2.10.2 Pertukaran atau penggantian tidak boleh dilakukan selepas susunan pemain-pemain telah ditetapkan dan diserahkan kepada penganjur

4.2.11 Kelakuan Buruk Oleh Pegawai-Pegawai pasukan

- 4.2.11.1 Tindakan perlu diambil terhadap Pegawai-pegawai Pasukan yang berkelakuan buruk atau menimbulkan kekacauan semasa kejohanan dijalankan sama ada di dalam atau di luar gelanggang



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

4.2.11.2 Mana-mana pegawai yang berkelakuan buruk dan mengganggu kelancaran pertandingan akan diiringi keluar oleh Pengurus Pertandingan dari gelanggang perlawanan. Pengadil akan memberhentikan pertandingan serta - merta sehingga Pengurus Pertandingan atau Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan memberi isyarat meneruskan pertandingan.

4.2.12 Tatatertib (Disiplin)

4.2.12.1 Semua pemain mestilah mematuhi Undang-Undang Permainan

4.2.12.2 Hanya Ketua Regu sahaja dibenarkan berjumpa Pengadil jika ada sebarang pertanyaan atau inginkan kepastian mengenai keputusan yang dibuat dan Pengadil hendaklah memberi penerangan terhadap keputusan yang telah dibuatnya.

4.2.12.3 Pengurus / Jurulatih dan Pegawai dilarang membantah keputusan Pengadil semasa pertandingan sedang berjalan. Ini boleh menjejaskan kelancaran pertandingan. Tindakan disiplin boleh di ambil terhadap pegawai berkenaan.

5.0 PENGADIL

5.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am

5.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan

6.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

6.1 Sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Perkara 18**

7.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN

7.1 Sila rujuk **Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23**

8.0 JADUAL PERLAWANAN

8.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan

9.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

9.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



SEPAK RAGA RATUS (BULATAN)

10.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	MOHAMAD RASHID BIN MOHAMAD MOKHTAR
Jawatan	:	Pegawai Penyelaras Sepak Takraw Ratus
No. H/P	:	019-5478364
emel	:	

Nama	:	EN. NIZAM BIN TAHA
Jawatan	:	Penolong Penyelaras Sepak Takraw Ratus
No. H/P	:	017-5691079
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Ketua Teknikal Sepak Takraw Ratus
No. H/P	:	
emel	:	